

Khamis, Feb 22 2018

Masih kompetitif walaupun cukai tinggi

SINGAPURA kekal berdaya saing walaupun cukai lebih tinggi dilancarkan pada bajet Isnin lalu.

Menteri Perdagangan dan Industrinya, S Iswaran berkata, hal ini berlaku kerana ia tidak bersaing dengan kos sahaja tetapi berdasarkan kepada nilai.

"Apabila anda mengambil kira keseluruhan skim cukai, termasuk rejim cukai korporat, rejim cukai peribadi, saya fikir Singapura masih menjadi destinasi yang kompetitif," kata Iswaran dalam wawancara di Bloomberg Television, semalam.

Jelasnya, belanjawan Singapura memberi tumpuan kepada kenaikan cukai untuk membantu meningkatkan pendapatan yang semakin bergantung



pada rizab bagi membiayai perbelanjaan.

"Cukai barangan dan perkhidmatan dijangka meningkat sebanyak dua mata peratusan pada awal tahun 2021.

"Pada masa sama, kerajaan memberikan wang tunai kepada warga Singapura untuk meraikan lebihan anggaran yang lebih

SH 21/2.
Cukai barangan dan perkhidmatan dijangka meningkat dua mata peratusan pada awal 2021."

- S Iswaran

besar daripada jangkaan 2017," katanya.

Dalam pada itu beliau memberitahu, pergerakan untuk menaikkan duti setem ke atas pembelian hartanah kediaman bukanlah untuk menyejukkan pasaran hartanah, tetapi untuk memastikan peningkatan progresif dan struktur cukai yang adil di Singapura.